



PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

LIBRARIANS ASSOCIATION OF MALAYSIA

PETI SURAT 12545, 50782 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

Emel: pustakawan55@gmail.com

Laman web: <http://www.ppm55.org.my>

Surat Kami: PPM 1.2/MAT/2019(01)

Tarikh: 04 Februari 2019

Kepada : Ahli Persatuan Pustakawan Malaysia

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM) 2018/2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./tuan/puan adalah dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan PPM kali ke-63 yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 28 Mac 2019 (Khamis)

Masa : 9:00 pagi – 1:00 tengah hari

Tempat : Universiti Teknologi Malaysia

Kampus Kuala Lumpur

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 Kuala Lumpur

(Lokasi sebenar akan dimaklumkan kemudian)

3. YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./tuan/puan dimohon mengambil perhatian bahawa dokumen MAT tidak akan disediakan secara bercetak dan hanya akan dipaparkan di atas skrin sahaja. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./tuan/puan boleh mengakses dan memuat turun dokumen MAT di laman sesawang www.ppm55.org sebelum atau pada 22 Mac 2019.

4. Bersama-sama ini disertakan Agenda MAT 2019 dan Borang Usul untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./tuan/puan. Borang usul hendaklah dikembalikan kepada PPM selewat-lewatnya pada 7 Mac 2019 melalui emel ke pustakawan552gmail.com.

5. Segala sokongan dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./tuan/puan bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2019 amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“PUSTAKA SUMBER ILMU”



(DR. KHASIAH BINTI ZAKARIA)
Setiausaha Kehormat
Persatuan Pustakawan Malaysia
Sesi 2018-2020

**AGENDA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM) 2017/2018**

**Hari Khamis, 28 Mac 2019, 9.00 pagi
Universiti Teknologi Malaysia Kampus Kuala Lumpur
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur**

Agenda Mesyuarat

1. Perutusan Pengerusi
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2017/2018
3. Perkara-perkara berbangkit
4. Laporan Tahunan PPM 2018/2019
5. Menerima dan meluluskan Penyata Kewangan PPM 2018
6. Perbincangan usul
7. Hal-hal lain
8. Penangguhan mesyuarat